

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
**D/A IBU PEJABAT SPRM**  
**ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA**

**ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN**

**1. TAJUK**

- (a) Aturan-Aturan ini adalah dinamakan "Aturan -Aturan Bagi Menjalankan Tabung Perlindungan Pembiayaan".
- (b) Aturan-Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan melalui persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada **6 Disember 2021** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**2. TUJUAN**

- (a) Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk :-
  - (i) Memelihara kepentingan semua anggota yang menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam/pemohon lain, jika ada. hendaklah digunakan bagi menjelaskan dengan sepenuhnya baki pinjaman/pembiayaan mana-mana peminjam/pemohon dimana keanggotaannya dalam koperasi ini terhenti disebabkan kematian.

**3. TAFSIRAN**

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) "Akta" ertinya Akta Koperasi 1993.
- (b) "**Koperasi**" ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- (c) "**Lembaga**" ertinya badan pengelola Koperasi yang diamanahkan untuk menguruskan Koperasi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Koperasi 1993, yang dilantik menurut undang-undang kecil koperasi ini.
- (d) "**Exco**" ertinya mana -mane Ahli Lembaga yang bertanggungjawab memantau dan mengurus aktiviti pembiayaan serta sebarang permohonan pembiayaan ini berdasarkan peruntukan 49 (2) Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (e) "**Anggota**" ertinya Anggota Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA).
- (f) "**Aturan**" ertinya sesuatu peruntukan di dalam Aturan ini dan pindaan -pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
- (g) "**BPA**" ertinya Biro Perk hidmatan Angkasa.

- (h) "SKM" ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- (i) "Undang-Undang Kecil" ertinya undang-undang kecil Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad.
- (j) "Komoditi" ertinya aset yang dipersetujui untuk dijual beli atau diusahakan dalam pembiayaan berkonsep Al-Tawarruq.
- (k) "Penghutang" ertinya seseorang anggota yang membeli barang secara bayaran tangguh dengan pembiayaan berkonsep Al-Tawarruq.
- (l) "Tabung Perlindungan Pembiayaan" ertinya Tabung yang diwujudkan untuk melindungi pembiayaan dan mengambil tindakan hapus kira bagi baki pembiayaan anggota koperasi ini.

1

#### **4. KELAYAKAN**

- (a) Semua peminjam adalah layak mendapat khidmat ini kecuali kematian anggota bukanlah kerana bunuh diri;
- (b) Peminjam/pemohon layak menyertai khidmat ini jika telah membayar atau membenarkan Koperasi mendebitkan sejumlah wang yang ditentukan ke dalam Tabung ini.
- (c) Perlu mengemukakan Sijil Kematian Peminjam/Pemohon yang diakui sah dan diserah kepada Koperasi.

#### **5. SUMBER WANG UNTUK TABUNG PERLINDUNGAN PINJAMAN/TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN**

- (a) Lembaga hendaklah mengenakan bayaran seperti yang dinyatakan di bawah kepada peminjam/pemohon yang memperolehi pinjaman berjamin/pembiayaan berjamin bagi tujuan Tabung Perlindungan Pembiayaan ini.
- (b) Kutipan 1% daripada jumlah pinjaman yang diambil oleh peminjam yang mengambil Pinjaman.
- (c) Segala perolehan atau pulangan daripada wang Tabung Perlindungan Pembiayaan.
- (d) Jika berlaku kekurangan kepada Wang Tabung Perlindungan Pembiayaan ini Lembaga bolehlah meminjamkan kepada peruntukan kewangan Koperasi bagi menampung kekurangan yang diperlukan.
- (e) Wang yang terkumpul untuk Tabung Perlindungan Pembiayaan ini mestilah disimpan di dalam akaun bank yang berasingan.

#### **6. CARA BAYARAN DIKENAKAN**

- (a) Bayaran adalah secara potongan terus melalui pinjaman/pembiayaan pemohon.

## **7. CARA TUNTUTAN DAN BAYARAN**

- (a) Semua tuntutan dan bayaran yang akan dibayar tertakluk kepada keputusan akan dibuat oleh Lembaga yang dilantik.
- (b) Segala keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga adalah muktamad.

## **8. PERUNTUKAN YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG**

Jika sekiranya pada bila-bila masa mana-mana peruntukan Aturan-Aturan ini adalah atau menyalahi undang-undang, menjadi tak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana hal/bahagian, peruntukan-peruntukan selainnya tidak akan dengan apa cara sekalipun akan terjejas atau merosakkan oleh itu;

## **9. PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN**

Mesyuarat agung tahunan boleh, dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga yang telah terlebih dahulu dimasukkan dalam agendanya untuk meminda Aturan-Aturan ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada **6 Disember 2021**.



(.....)  
Pengurus



(.....)  
Setiausaha



(.....)  
Bendahari

DATO' SRI SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JA'IL  
PENGURUSI  
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)

MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH  
SETIAUSAHA  
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)

EFEZUL AZRAN BIN ABD MAULOP  
BENDAHARI  
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)